

NOTA DIGITAL PELARIAN DI MALAYSIA

***Mohd Ramlan Mohd Arshad¹, Mohd Na'eim Ajis², Aizat Khairi³, Rozita Abd Mutallib⁴, Nurul Hidayana Mohd Noor⁵**

^{1,5} Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UiTM Negeri Sembilan

^{2,5} College of Law, Government and International Studies, UUM Sintok, Kedah

³ Malaysian Institute of Marine Engineering Technology, UniKL Lumut, Perak

*Corresponding author's email: mramlan2957@uitm.edu.my

ABSTRAK

Masalah pelarian telah berlaku semenjak berabad lamanya iaitu semenjak kurun ke-17 di negara Perancis dan Belanda akibat krisis dalaman yang berlaku. Krisis tersebut bersangkut paut dengan kezaliman yang dilakukan ke atas penduduk oleh kerajaan dan penjajah Sepanyol mengakibatkan rakyat yang berbeza agama dan fahaman dengan pihak pemerintah melarikan diri keluar dari wilayah tersebut. Krisis ini berpanjangan sehinggalah Perang Dunia Pertama dan Kedua, Perang Dingin, Perang Teluk dan semakin kritikal apabila negara yang merdeka telah ditadbir oleh rejim kuku besi ataupun berlakunya konfrontasi. Konfrontasi yang berlaku menyebabkan rakyat yang tertindas telah melarikan diri untuk keluar menyelamatkan nyawa seperti hal yang berlaku ke atas pelarian etnik Cina dari Indonesia ke Malaysia. Situasi ini menyebabkan negara Malaysia tidak terlepas daripada radar kemasukan oleh orang pelarian dari pelbagai negara sama ada dari wilayah Asia Tenggara mahupun dari luar Benua Asia. Hal ini termasuklah pelarian daripada Filipina, Vietnam, Kemboja, Aceh, Pakistan dan beberapa negara lain termasuklah pelarian dari etnik Rohingya. Oleh itu, nota ini disediakan sebagai asas kepada ilmu pelarian dan migrasi rentas sempadan yang melanda negara Malaysia dari aspek pensejarahan dan faktor kedatangan mereka.

Kata Kunci: Sejarah, Pelarian, Migrasi, Rentas, Sempadan, Malaysia

1. PENGENALAN

Malaysia mempunyai Dasar Kawalan Imigrasi yang merujuk kepada peraturan dan prosedur yang menguruskan pemilihan dan kemasukan pendatang namun Malaysia masih tidak terlepas daripada masalah pelarian yang memasuki negara ini. Masalah pelarian di Malaysia boleh dikatakan semakin meruncing kerana statistik menunjukkan tren yang meningkat iaitu sehingga 2011 terdapat lebih kurang 80 ribu orang pelarian berada di Malaysia kemudian bertambah kepada 152,570 orang pada tahun 2015 dan terus meningkat kepada 161,438 orang pada tahun 2017 sehinggalah mencapai 164,620 pelarian sehingga hujung Januari 2019 (UNHCR, 2020). Ini membuktikan Malaysia menjadi destinasi popular oleh golongan pelarian walaupun tidak berjiran dengan negara-negara yang menjadi sumber kepada golongan pelarian. Situasi berkaitan pelarian di Malaysia terjadi oleh kerana konsep imigrasi dan penghijrahan yang berdasarkan kepada teori penolak dan penarik. Konsep ini adalah salah satu rujukan yang digunakan di peringkat mikro analisis yang kebanyakannya digunakan oleh para penyelidik untuk mengkaji isu penghijrahan dan keimigrasian yang berlaku di dunia dengan berpaksi kepada sudut pandang dari bidang sosiologi. Melalui konsep ini, masalah ekonomi dan keselamatan adalah faktor penolak yang menyebabkan rakyat di negara itu untuk keluar demi kelangsungan hidup. Faktor penarik pula adalah disebabkan negara yang menjadi destinasi kepada pelarian menyediakan peluang untuk meneruskan kehidupan, memberi akses kepada sumber ekonomi, keamanan, keselamatan, menyediakan khidmat kesihatan dan peluang pendidikan kepada anak-anak pelarian.

2. METODOLOGI DAN REKA BENTUK ANALISIS

Nota ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes ke atas pelarian-pelarian yang pernah memasuki Malaysia. Instrumen utama yang digunakan ialah kajian-kajian lepas manakala dokumen-dokumen kerajaan, catatan-catatan rasmi dan rujukan daripada sumber elektronik digunakan sebagai rujukan sokongan

3. DAPATAN DAN ANALISIS

Berdasarkan kepada kajian kes yang dilakukan terdapat beberapa dapatan berkaitan pelarian yang pernah mendapatkan perlindungan di negara ini.

3.1: Pelarian Cina Indonesia

Pelarian etnik Cina Indonesia telah memasuki Malaysia semasa berlakunya konfrontasi di antara Tentera Nasional Indonesia dan Parti Komunis Indonesia.

3.2: Pelarian Vietnam

Pelarian Vietnam digelar sebagai 'Orang Perahu' kerana melarikan diri dari konflik kejatuhan Kerajaan Demokratik kepada Kerajaan Komunis.

3.3: Pelarian Moro Dari Filipina

Bangsa Moro telah melarikan diri untuk menyelamatkan nyawa ketika berlakunya konflik di antara pemerintah Mindanao dan Kerajaan Filipina.

3.4: Pelarian Cham dari Kemboja

Etnik Cham melarikan diri ke Pantai Timur Semenanjung Malaysia kerana penganiayaan dan kezaliman yang dilakukan oleh Rejim Khmer Rogue.

3.5: Pelarian Etnik Rohingya dari Myanmar

Pelarian Rohingya telah memasuki Malaysia sekitar tahun 1980-an dan 1990-an kerana penindasan dan pengguguran hak warga negara oleh Rejim Tatmadaw

4. POTENSI KOMERSIAL / SUMBANGAN/ KEGUNAAN

Melihat kepada situasi semasa berkaitan masalah pelarian yang semakin menarik pelbagai pihak untuk mendalami isu ini maka nota ini bagi memberikan pendedahan awal kepada para pelajar, penyelidik, pembuat dasar dan pihak yang terbabit secara langsung dalam masalah pelarian dan migrasi rentas sempadan yang berlaku di negara ini. Oleh itu, nota ini boleh menjadi potensi untuk dibangunkan secara holistik untuk dikomersialkan menjadi produk bacaan kepada seluruh rakyat Malaysia. Tambahan pula nota ini boleh menyumbang kepada pengukuhan ilmu berkaitan pensejarahan pelarian di Malaysia

5. PENUTUP

Berdasarkan kepada hasil kajian, pelarian dari pelbagai negara dan wilayah telah memasuki negara ini kerana pelbagai faktor yang menjadi penarik. Pada asasnya, Malaysia sebagai negara yang tidak menandatangani Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 tidak mempunyai sebarang obligasi ke atas hak-hak pelarian yang berlandung di negara ini. Namun, atas dasar kemanusiaan telah menerima kemasukan mereka untuk menyelamatkan nyawa dan memberi perlindungan sementara. Oleh itu, nota ini merumuskan bahawa status pelarian tidak diiktiraf namun usaha untuk membantu mereka adalah dicadangkan untuk dilaksanakan secara bersama di kalangan pihak-pihak kerajaan dan bukan kerajaan.

RUJUKAN

UNHCR (2020). Figure at glance. Diambil daripada <http://www.unhcr.org> (Diakses pada 10 July 2021)